

Banjir kilat ekor an hujan lebat di ibu negara



KEADAAN banjir kilat di Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 12 Mei - Keadaan trafik di Kuala Lumpur hari ini sesak berikutan banjir kilat di beberapa lokasi termasuk Jalan Sultan Ismail ekor an hujan lebat sejak pukul 2 petang.

Menurut jurucakap polis trafik Kuala Lumpur, antara kawasan yang dinaiki air sehingga 0.4 meter termasuk Jalan Chan Sow Lin, Dataran Maybank, Jalan Duta, hadapan Balai Polis Travers dan Bulatan Cheras.

Katanya, kesesakan lalu lintas itu beransur pulih berikutan air mula surut pada pukul 5.15 petang dengan tiga kawasan iaitu Jalan Duta, Jalan Sultan Ismail dan Bulatan Cheras, dibuka semula kepada laluan trafik.

Sementara itu, jurucakap bilik gerakan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur memberitahu, kawasan di sekitar Jalan Bangsar dan Stesen Komuter Damansara turut dinaiki air.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan.